

AXCEL MICONAZOLE CREAM

Miconazole Nitrate (2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Miconazole Cream.
2. Bagaimana Axcel Miconazole Cream berfungsi.
3. Sebelum mengguna Axcel Miconazole Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Miconazole Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Miconazole Cream.
6. Kesan- kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Miconazole Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Miconazole Cream

Ia digunakan secara topikal bagi mengawal candidiasis permukaan (jangkitan pada permukaan badan) dan infeksi fungi pada kulit.

Bagaimana Axcel Miconazole Cream berfungsi

Miconazole merupakan sejenis agen anti-kulat imidazole dan mempunyai aktiviti antibakteria.

Sebelum menggunakan Axcel Miconazole Cream

Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan menggunakan jika ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi yang berkelayakan untuk anda.

Sebelum menggunakan Axcel Miconazole Cream

Sebelum anda mengguna Axcel Miconazole Cream anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada ubat-ubatan.
- Jika anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).

Jika situasi di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor yang akan menentukan apa yang perlu dilakukan.

Jika menggunakan ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan Axcel Miconazole Cream

Berapa banyak harus digunakan

Krim ini bertujuan bagi penggunaan luaran sahaja.

a. Infeksi kulit:

Gunakan sedikit krim pada jangkitan dua kali sehari. Sapu krim dengan jari anda hingga krim tersebut meresap ke dalam kulit. Apabila semua jangkitan tidak lagi kelihatan (kebiasaan 2-5 minggu), teruskan penggunaan bagi tempoh sekurang-kurangnya 7 hari bagi mengelakkan pengulangan jangkitan.

b. Jika iritasi berlaku atau jika tiada penambahbaikan, hentikan penggunaan dan berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi.

- Dalam 4 minggu bagi *athlete's foot* atau
- Dalam 2 minggu bagi *jock itch*.

Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengguna Axcel Miconazole Cream mengikut keadaan yang anda hadapi.

Berapa lama perlu digunakan

- Gunakan krim ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi frekuensi penggunaan dalam sehari dan tempoh penggunaan.
- Ikut saranan dan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengguna ubat anda.

Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa untuk menggunakan krim anda pada sesetengah masa, gunakan krim anda dengan segera. Abaikan penggunaan yang terlupa sekiranya sudah

hampir masa untuk dos seterusnya.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jangan risau jika anda menggunakan krim ini dengan berlebihan beberapa kali secara tidak sengaja. Anda mungkin akan berasa tidak sihat jika terlebih menggunakannya atau secara tidak sengaja tertelan ubat ini dengan banyak. Anda boleh maklumkan doktor anda atau pergi hospital dengan segera.

Semasa menggunakan Axcel Miconazole Cream

Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa menggunakan krim ini.
- Maklumkan doktor anda jika anda perlu menggunakan ubatan lain.
- Guna Axcel Miconazole Cream mengikut cara dan tempoh yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan menggunakan Axcel Miconazole Cream lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan sapu secara berlapis-lapis pada kawasan jangkitan.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan dari terkena mata.
- Jangan guna pada kanak-kanak bawah umur 2 tahun keuali dengan nasihat daripada doktor.

Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Miconazole Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatkannya.

AXCEL MICONAZOLE CREAM

Miconazole Nitrate (2% w/w)

Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doctor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan yang telah dilaporkan seperti berikut:

- Iritasi setempat.
- Reaksi sensitiviti.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Miconazole Cream

Penyimpanan

Jauhkan Axcel Miconazole Cream daripada jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah 25°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

Pelupusan

Jangan guna Axcel Miconazole Cream yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Axcel Miconazole Cream ialah krim berwarna putih dan merupakan krim larut air.

Bahan- bahan kandungan

Bahan Aktif:

Miconazole Nitrate

Bahan-bahan Tidak Aktif:

Dehydag wax "0", cremophor A6, cremophor A25, liquid paraffin, propylene glycol, chlorocresol, sodium dihydrogen phosphate anhydrous, purified water.

Nombor MAL

MAL19900255AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

08/04/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)070415/00059